

19 AUG 1997

KERAJAAN MUNGKIN ADAKAN SEKATAN BAGI IMPORT JENTERA BERAT

KUCHING, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan mungkin mengadakan sekatan terhadap import jentera berat dalam belanjawan 1998 yang akan dibentangkan di Parliamen pada Oktober depan.

Perdana Menteri berkata import yang berterusan bagi jentera berat seperti kren, pengorek dan jentolak telah menjadi penyumbang besar kepada defisit imbalan pembayaran negara.

"Para peniaga hendaklah sedar defisit itu merupakan masalah negara dan ia akan menjejaskan peniaga itu sendiri kemudian kelak," kata beliau pada persidangan berita pada akhir lawatan dua hari ke Sarawak.

Dr Mahathir berkata walaupun jentera berat yang sedia ada dalam negara sudah begitu besar jumlahnya, para peniaga masih terus mengimportnya.

"Di Kuching sahaja, kita boleh lihat begitu banyak kawasan yang dipenuhi dengan jentera berat tetapi mereka masih membelinya. Jika kita teruskan tabiat buruk ini, masalah defisit tidak akan dapat diatasi," katanya.

Perdana Menteri berkata peniaga boleh menjual jentera mereka dan meraih keuntungan untuk diri sendiri dan dalam melakukannya, mereka turut menyumbang kepada defisit negara.

"Pada masa ini kita mahukan peniaga untuk secara sukarela berhenti daripada mengimport jentera itu tetapi jika enggan, kita sedang menimbang untuk mengenakan sekatan ke atas import," katanya.

Bila diminta memberi butiran lanjut mengenai bentuk sekatan yang akan dikenakan oleh kerajaan, Dr Mahathir berkata beliau perlu berunding dengan Menteri Kewangan mengenai langkah tersebut.

Minggu lepas, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan bahawa belanjawan 1998 yang akan dibentangkan pada 17 Okt, akan memberi perhatian kepada langkah serius untuk mengekang import Malaysia dan memberi tumpuan kepada mengembangkan eksport.

Kerajaan, tegas beliau, akan mengambil kira sebarang langkah kewangan termasuk menggunakan cukai untuk meningkatkan eksport dan mengurangkan import.

Malaysia mencatatkan defisit dagangan sebanyak RM2.8 bilion untuk Jun tahun ini disebabkan oleh peningkatan import tahun-atas-tahun sebanyak 23.7 peratus kepada RM19.3 bilion, sejumlah besar terdiri daripada import barangan "lumpy" (kapal terbang, kapal dan jentera berat).

Dr Mahathir mengulangi bahawa semua projek akan dilaksanakan seperti yang dirancang.

Perdana Menteri berkata Malaysia menguruskan kewangannya dengan baik, melainkan ada penyangak kewangan yang cuba "mensabotaj kita"...sudah tentu mereka berkata (apa yang mereka lakukan) adalah lumrah dagangan tetapi jika perkara itu berlaku ke atas negara mereka ia tidak akan menjadi lumrah.

Katanya George Soros, yang dinamakannya sebagai orang yang bertanggungjawab kerana melemahkan ringgit, "adalah lebih teruk daripada apa yang dilakukan oleh Robin Hood."

"Sekurang-kurangnya Robin Hood merompak si kaya untuk membantu si miskin, tetapi orang ini merompak si miskin untuk memperkayakan lagi si kaya," katanya.

Katanya, adalah lebih baik bagi Soros untuk bersara dan mempersiapkan diri untuk masa depannya daripada terus mensabotaj mata wang Asean.

"Sekurang-kurangnya selepas merompak Britain sebanyak dua bilion paun,

mereka harus bersiap sedia untuk kehidupan masa depan... di dunia yang lain," tambahnya.

Sementara itu, di pasaran tukaran wang asing Kuala Lumpur, ringgit ditutup rendah berbanding dolar Amerika hari ini dalam dagangan turun-naik, dengan sentimen ke atas dolar masih berarah naik, kata para peniaga.

Ringgit ditutup pada 2.7900/50 bagi seunit dolar Amerika berbanding dengan 2.7880/30 pada penutupan semalam. -- BERNAMA

MT OPP SIA